

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

YAM 102 - Pengantar Komunikasi Massa

Masa: [3 jam]

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

Jawab SEMUA Bahagian. Jawapan hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan.

Bahagian A: (40 markah)

Jawab soalan-soalan berikut dengan ringkas tetapi tepat.

1. Bagaimanakah media massa boleh meningkatkan darjat seseorang individu atau kumpulan?

---

---

---

---

2. Apakah kelebihan televisyen jika dibandingkan dengan radio?

---

---

---

---

...2/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. Apakah yang dimaksudkan oleh Lasswell apabila beliau mengatakan media massa adalah ibarat radar sosial?

---

---

---

---

4. Bagaimanakah perhubungan awam berbeza daripada periklanan?

---

---

---

---

5. Dalam memaparkan krisis UMNO, adalah menjadi tugas media massa menyiarkan pendapat pelbagai pihak demi menjaga kepentingan masyarakat umum. Kenyataan ini merujuk kepada teori apa?

---

---

---

6. Menurut Rogers dan Shoemaker, apakah empat peringkat yang dilalui oleh individu untuk menerima atau menolak sesuatu pembaharuan?

---

---

---

---

...3/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

7. Pada peringkat manakah dalam model penyerapan pembaharuan peranan media massa lebih ketara daripada komunikasi interpersonal?

---

---

---

8. Mengapakah wartawan lazimnya menulis berita di dalam bentuk piramid terbalik?

---

---

---

---

9. Apakah dua bentuk kawalan ekonomi yang mempengaruhi bentuk dan kandungan media massa?

---

---

---

---

10. Apakah yang diketengahkan oleh teori konsistensi?

---

---

---

---

...4/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

Bahagian B: (10 markah)

Jawab semua soalan dengan menandakan bulatan pada B (Benar) atau S (Salah).

1. Penonton komunikasi massa boleh mematikan sesuatu proses komunikasi massa dengan mudah, pantas dan mengikut sesuka hatinya. B S
2. Teori peluru menyarankan penonton media massa sebagai aktif dan boleh memilih jenis media yang disukainya. B S
3. Gangguan tidak wujud di dalam sesuatu situasi komunikasi bersemuka kerana punca dan penerima dapat membuat penjelasan tentang mesej mereka. B S
4. Oleh kerana Ordinan Fitnah (1957) hanya merangkumi penerbitan bercetak, seseorang yang mengucapkan kata-kata keji yang menjatuhkan maruah orang lain di dalam satu rancangan radio tidak boleh didakwa di bawah ordinan itu. B S
5. Lidah pengarang sebuah akhbar menyokong sesebuah parti politik dan mengatakan sebab-sebab mengapa orang ramai patut mengundi parti itu. Ini adalah satu contoh media menjalankan fungsi pengawasan alam sekitar. B S
6. Perusahaan iklan di Malaysia hanya bermula selepas Perang Dunia Kedua. B S
7. Beberapa ahli sosiologi - termasuk Warren Breed - berpendapat media massa beroperasi terutamanya untuk mempertahankan keadaan yang sedia ada ('status quo'). B S

...5/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- |   |   |   |
|---|---|---|
| 8. Teori awal tentang kesan komunikasi massa mengandaikan media massa mempunyai kuasa yang kuat untuk mempengaruhi setiap individu dengan pengaruh yang agak seragam. | B | S |
| 9. Salah satu fungsi utama pegawai perhubungan awam ialah menyembunyikan semua perkara buruk yang melibatkan syarikatnya.   | B | S |
| 10. Akhbar The Star, Watan dan Sin Chew Jit Poh pernah digantung penerbitannya pada tahun 1987.   | B | S |

Bahagian C: (30 markah)

Pilih jawapan yang betul dengan menanda bulatan pada abjad di sebelah pilihan jawapan.

1. Kajian Noelle-Neumann (1973) telah menekankan tiga ciri komunikasi massa yang bergabung untuk menghasilkan kesan-kesan yang kuat ke atas pendapat umum. Ciri-ciri tersebut ialah
  - I. konsonan
  - II. keseragaman
  - III. kepelbagaian
  - IV. pengandaan
  - V. kehadiran di mana-mana
  - A. I, II dan IV
  - B. I, III dan IV
  - C. I, IV dan V
  - D. III, IV dan V.
  - E. II, III dan IV
  
2. Menurut Katz (1959), penyelidikan komunikasi yang menggunakan pendekatan kegunaan dan kepuasan bertanyakan:
  - A. "Apakah yang dilakukan oleh media terhadap orang ramai?"
  - B. "Apakah agenda umum dipengaruhi oleh agenda media?"
  - C. "Apakah yang orang ramai lakukan dengan media?"
  - D. Kesemua di atas.
  - E. Tiada satu pun di atas.

...6/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. Mana yang berikut ialah sarjana yang mengutarakan istilah "keburukan fungsi penagihan" untuk merujuk kepada ahli masyarakat yang ketagih kepada komunikasi massa sehingga mereka tidak menghiraukan kegiatan kemasyarakatan yang lain?
  - A. Westley dan MacLean
  - B. Shoemaker dan Rogers
  - C. DeFleur dan Dennis
  - D. Lazarsfeld dan Merton
  - E. Tiada satu pun di atas
  
4. Mana yang berikut bukan cara untuk mengukuhkan pengaruh komunikasi massa seperti yang disarankan oleh Lazarsfeld dan Merton?
  - A. menggunakan komunikasi interpersonal sebagai menyokong mesej media massa.
  - B. memastikan monopoli ke atas pemilikan media massa.
  - C. menyalurkan mesej agar sehaluan dengan sikap atau tingkahlaku yang sedia wujud.
  - D. mengelakkan daripada menggunakan komunikasi interpersonal kerana ia tidak berkesan untuk mengubah sikap.
  - E. tiada satu pun di atas.
  
5. Mana yang berikut adalah fungsi media yang diketengahkan oleh Harold Lasswell?
  - A. Memberi hiburan
  - B. Mengawas alam sekitar
  - C. Menjadi tempat pasaran idea
  - D. Menggerak masyarakat ke arah pemodenan
  - E. Tiada satu pun di atas.
  
6. Wartawan yang dituduh menulis sesuatu berita fitnah boleh mempertahankan dirinya dengan mengemukakan alasan-alasan berikut kecuali
  - A. si pendakwa telah mati.
  - B. dakwaan itu dibuat dua tahun selepas bahan yang dianggap fitnah diterbitkan.
  - C. berita yang dilaporkan adalah sesuatu yang benar.
  - D. berita itu adalah komen yang adil dan seimbang serta tiada niat jahat di sebaliknya.
  - E. tiada satu pun di atas.

...7/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

7. Semua yang berikut adalah syarat-syarat pemberian lesen penerbitan bersiri di bawah Akta Mesin Cetak 1948 (pindaan 1974) kecuali
- A. Pemiliknya adalah warganegara Malaysia.
  - B. Nama penerbit dan pencetak dicetak di dalam setiap keluaran penerbitan itu.
  - C. Segala perubahan pengarang, pencetak dan pemilik dilaporkan kepada Kementerian Dalam Negeri.
  - D. Penerbitan tidak menyiarkan bahan yang boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.
  - E. Pemegang lesen perlu memohon untuk membaharui lesennya setiap dua tahun.
8. Apakah istilah yang digunakan oleh para sarjana komunikasi untuk merujuk kepada pekerja media yang membuat keputusan tentang kawalan aliran maklumat kepada umum?
- A. Pengarah aliran.
  - B. Penganalisis sistem.
  - C. Gatekeeper.
  - D. Pengkuatkuasa.
  - E. Penapis.
9. Apakah ciri-ciri yang perlu ada bagi membolehkan komunikasi berlaku?
- I. Gangguan saluran
  - II. Pengongsian maklumat
  - III. Pemahaman maklumat
  - IV. Lapangan rujuk yang serupa
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. II, III dan IV
  - D. I, III dan IV
  - E. Semua di atas

...8/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

10. Manakah daripada kenyataan-kenyataan berikut menggambarkan ciri-ciri komunikasi massa?
- I. Puncanya ialah organisasi yang kompleks.
  - II. Penontonnya ramai dan pelbagai.
  - III. Maklumbalasnya segera.
  - IV. Radio dan akhbar adalah di antara salurannya.
- A. I dan II
  - B. III dan IV
  - C. I, II dan III
  - D. I, II dan IV
  - E. Semua di atas.
11. Model kesan-kesan sederhana mencirikan penyelidikan ke atas kesan-kesan komunikasi yang telah dibuat dalam tahun 1970-an. Di antara penyelidikan-penyelidikan tersebut ialah seperti berikut kecuali:
- A. Paradigma pencarian maklumat (Donohew dan Tipton).
  - B. Pendekatan penggunaan dan kepuasan (Blumler dan McQuail)
  - C. Fungsi Pembentukan agenda (McCombs dan Shaw)
  - D. Teori Norma-norma Budaya (DeFleur)
  - E. Hipotesis Sunyi (Noelle-Newmann)
12. Akhbar-akhbar berikut adalah berbentuk 'tabloid'
- A. Utusan Malaysia
  - B. Utusan Melayu
  - C. New Straits Times
  - D. Semua di atas.
  - E. Tiada satu pun di atas.
13. Akhbar sering digelar cabang kuasa keempat kerana peranannya mengawasi penyelewengan di dalam
- A. Perundangan
  - B. Kehakiman
  - C. Eksekutif
  - D. Senat
  - E. A, B dan C di atas.

...9/-



Angka Giliran: \_\_\_\_\_

14. Jika dibandingkan dengan komunikasi interpersonal, semua media massa menghadapi masalah kekurangan daripada sudut
- A. kepantasan
  - B. perincian
  - C. liputan
  - D. maklumbalas
  - E. ketepatan
15. Istilah lain yang merujuk kepada fungsi pengawasan alam sekitar oleh media massa ialah fungsi
- A. pelajaran
  - B. pelaporan berita
  - C. penagihan maklumat
  - D. sosialisasi
  - E. Tiada satu pun di atas

Bahagian D: (20 markah)

Jawab satu soalan daripada Bahagian ini. Gunakan ruang jawapan yang disediakan.

SAMA ADA

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi para wartawan ketika mereka menjalankan tugas mengumpul dan melaporkan berita? Huraikan faktor-faktor ini mengikut kategori-kategori tertentu. Jelaskan bagaimana faktor-faktor ini mempengaruhi proses pelaporan berita. Berikan contoh-contoh yang khusus untuk menerangkan jawapan anda.

ATAU

2. Dalam bacaan dan perbincangan kursus, anda sering membaca atau mendengar mengenai konsep pemilihan oleh penonton. Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan pemilihan dan mengapa penonton melakukan pemilihan. Huraikan kajian-kajian yang boleh menyokong kewujudan konsep tersebut. Adakah konsep pemilihan masih mempunyai peranan yang besar dalam menerangkan kesan-kesan media mengikut pemikiran masa kini?

-ooo000oo-

...10/-